

Pemilihan MPP UPM 28 November

Kuala Lumpur: Seramai 26,990 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) yang layak mengundi akan memilih 45 ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) universiti itu, 28 November depan.

Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP UPM 2013, Prof Dr Mohd Shatar Sabran, berkata ahli MPP yang bakal dipilih itu terdiri daripada 11 calon kawasan umum dan 34 calon kawasan fakulti.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) berkata, penamaan calon akan diadakan pada 20 November sebelum kempen dibenarkan dari 24 hingga 27 November depan.

“Sesi pembuangan undi di enam lokasi akan bermula dari jam 9 pagi hingga 4 petang di Kampus Serdang dan Kampus Bintulu, Sarawak, menggunakan sistem e-undi melalui komputer.

Pengisytiharan rasmi

“Keputusan akan diumumkan pada hari sama, diikuti sesi bantahan terhadap keputusan (29 November), keputusan bantahan (30 November), rayuan terhadap keputusan bantahan (30 November), keputusan rayuan (2 Disember) sebelum pengisytiharan rasmi calon yang berjaya pada 3 Disember,” katanya dalam satu kenyataan media.

Mohd Shatar berkata, calon yang berjaya akan diisytiharkan secara rasmi melalui Papan Notis Rasmi Universiti (Kolej 13 dan Kolej Sri Rajang) serta tempat lain sekitar universiti yang mudah dilihat.

Pelaksanaan keseluruhan proses Pemilihan MPP adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan UPM (Pemilihan MPP) 2011, dan calon yang berjaya akan membentuk MPP 2013/14.